1. Gue, S. S., & Tan, Y. C. (2000). Subsurface Investigation And Interpretation Of Test Results For Foundation Design In Soft Clay. In SOGISC-Seminar on Ground Improvement-Soft Clay.
2. Yusof, M. F., Khalid, M. N. F. A., Tajudin, S. A. A., Madun, A., & Abidin, M. H. Z. (2017). Correlation of JKR Probe with Undrained Shear Strength. In MATEC Web of Conferences (Vol. 103, p. 07009). EDP Sciences.





DEEP SOIL MIXING (DSM) SEBAGAI DINDING PENAHAN TANAH BAGI PENGOREKAN DALAM DAN MITIGASI RISIPAN AIR BAWAH TANAH


Penulis: **Syahrom Bin Zakaria**

1.0 APA ITU DEEP SOIL MIXING?

Deep Soil Mixing (DSM) adalah merupakan salah satu kaedah in-situ yang boleh digunakan untuk meningkatkan keupayaan tanah seakan menyerupai ciri-ciri batuan/batuan lembut melalui campuran bahan perekat simen (*cementitious binder*) dengan tanah sedia ada di tapak menggunakan peralatan/jentera mekanikal.

DSM Block (Wall) pula adalah merupakan gabungan (*interlocking*) antara *DSM column* dengan yang lain. Oleh itu, *cold joint* (melebihi tempoh 48 jam) antara *DSM column* hendaklah dielakkan.

Saiz diameter yang terdapat di pasaran adalah antara 600-1200mm dengan keupayaan jentera untuk mengorek sehingga kedalaman 25 meter di dalam tanah.



Rajah 1: Turutan Kerja *Deep Soil Mixing*



Rajah 2: Produk Akhir *Deep Soil Mixing*

2.0 APLIKASI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN.

Antara aplikasi penggunaan DSM adalah bagi tujuan penstabilan cerun, mitigasi proses liquefaction, meningkatkan keupayaan galas tanah (rawatan bagi tanah lembut), dinding penahan tanah bagi pengorekan dalam, kawalan enapan tanah dan sebagainya.

Antara kelebihan menggunakan DSM adalah:

- Aplikasi penggunaan yang lebih luas. Kurang gangguan bunyi dan gegaran berbanding penggunaan *sheet pile*.
- Menjimatkan kos.
- Kawalan kualiti di tapak yang efektif.

3.0 DINDING PENAHAN TANAH BAGI PENGOREKAN DALAM DAN MITIGASI RISIPAN AIR BAWAH TANAH

Masalah kestabilan tanah dan risipan air bawah tanah seringkali dihadapi semasa menjalankan kerja-kerja pengorekan bagi pembinaan struktur bawah tanah seperti tempat letak kereta bawah tanah, kolam renang dan seumpamanya. Masalah ini bukan sahaja boleh mengganggu kelancaran kerja-kerja pembinaan tetapi turut memberi risiko ke atas keselamatan pekerja-pekerja di tapak bina.

Penyelesaian kepada permasalahan ini adalah dengan membina terlebih dahulu struktur sementara bagi menstabilkan dinding tanah di kawasan yang akan dikorek dan pada masa yang sama boleh berfungsi untuk mengekang risipan air bawah tanah. Terdapat beberapa kaedah alternatif yang boleh dipertimbangkan pada masa ini bagi tujuan tersebut, antaranya:

- *CBP Wall*
- *Diaphragm Wall*
- *Sheet Pile*
- *Wet/Dry DSM Block (Wall)*

Setiap kaedah yang dinyatakan di atas mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing serta perlu disesuaikan dengan keadaan semasa di tapak dan kekangan dari segi peruntukan kewangan. Namun begitu, hanya kaedah *DSM Block* yang akan diperincikan di dalam artikel ini kerana ianya masih baru di Malaysia walaupun telah mula diperkenalkan sejak lima tahun yang lalu.

4.0 PENGUNAAN DSM BLOCK DALAM PROJEK PEMBANGUNAN FIZIKAL JABATAN KERJA RAYA (JKR)

Melalui kajian literatur yang telah dilakukan, penggunaan *Wet DSM Block* telah dicadangkan bagi salah satu projek Jabatan Kerja Raya (JKR) di Mersing, Johor. Skop projek ini meliputi pembinaan kolam sedalam 10meter dan juga beberapa bangunan bertingkat yang akan berada di bahagian tepi kolam. Keadaan yang sempit dan terhad ini tidak memungkinkannya penggunaan kaedah *CBP Wall* atau *Diaphragm Wall* atau *sheet pile* kerana ketidakcukupan ruang bagi pemasangan *anchor tie-back*. Penggunaan kaedah *Wet DSM Block* dengan kekuatan mampatan (*compressive strength*) minimum sebanyak 1.0 MPa telah dicadangkan sebagai struktur penahan tanah sementara kerana dijangka mampu menstabilkan dan mengurangkan pergerakan tanah semasa kerja-

kerja pengorekan tanah sehingga kedalaman 10 meter daripada aras tanah sedia ada.

Selain itu, *Wet DSM Block* ini juga akan dibina bersama dengan jet *grouting column*. Gabungan kedua-dua komponen ini adalah bagi mengurangkan risiko risipan air (*sand boiling*) ke dalam kawasan yang telah dikorek memandangkan aras air bawah tanah di kawasan berkenaan adalah agak tinggi, iaitu sekitar 2.0 meter hingga 2.2 meter daripada aras tanah sedia ada.

Kaedah ini dijangka dapat meningkatkan kawalan ke atas kualiti kerja pembinaan di tapak serta mengurangkan risiko ke atas keselamatan & kesihatan pekerja.

4.1 Rekabentuk *Wet DSM Block* Sebagai Dinding Penahan Tanah Dan Mitigasi Risipan Air Bawah Tanah


Dalam merekabentuk sistem penahan tanah bagi kerja-kerja pengorekan dalam (*deep excavation*) yang dapat berfungsi sebagai mitigasi risipan air bawah tanah, beberapa aspek perlu diambil kira dan mematuhi kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut:

- i. *Overall stability*;
- ii. *Overturning stability*;
- iii. *Sliding stability*;
- iv. *Sand boiling effect (hydraulic failure)*; dan
- v. *Basal Heave* (kebiasaanya boleh diabaikan bagi kawasan tanah granular)


Analisa *overall stability* boleh disemak dengan menggunakan kaedah *limit equilibrium slope stability analysis* seperti *Bishop's Simplified Method*. Nilai faktor keselamatan (FOS) yang diperolehi daripada analisa perlu melebihi nilai minima FOS yang ditetapkan. Berdasarkan kriteria rekabentuk geoteknikal JKR, nilai minima FOS yang telah ditetapkan adalah 1.5 ($FOS > 1.5$).

Selain itu, rekabentuk dinding penahan ini juga boleh dimodelkan sebagai *gravity wall* dengan menggunakan perisian yang berasaskan *finite element method* (FEM) - *Limit States methodology* seperti perisian Geos bagi melakukan analisa ke atas *overturning stability* dan *sliding (slip) stability* dengan menggunakan kaedah *moment equilibrium*. Nilai faktor keselamatan (FOS) berdasarkan kriteria rekabentuk geoteknikal JKR yang telah ditetapkan adalah 1.8 bagi *overturning stability* ($FOS > 1.8$) dan 1.6 bagi *sliding* ($FOS > 1.6$).

Sand boiling effect (hydraulic failure) boleh mengakibatkan kesan *piping* dan *blow out* di hadapan struktur penahan. Perkara ini biasanya akan berlaku sekiranya paras air bumi adalah tinggi di sebelah tanah yang ditahan dan dinding penahan tidak dapat ditanam dalam lapisan tanah telap air (*impermeable layer*). Analisa *hydraulic failure* boleh disemak dengan menggunakan *Terzaghi's method*. Nilai faktor keselamatan (FOS) berdasarkan kriteria rekabentuk geoteknikal JKR yang telah ditetapkan adalah 1.5 ($FOS > 1.5$).



Rajah 3: Contoh Pelan *DSM Block*



Rajah 4: Contoh Perincian Tipikal *DSM Block*

Rujukan:

- 1) Yew, YW & Tan, YC (2015), "Excavation Support for TBM Retrieval Shaft using Deep Soil Mixing Technique, Kuala Lumpur", *International Conference and Exhibition on Tunnelling and Underground Space 2015*, Grand Dorsett, Petaling Jaya, Malaysia.
- 2) Arup Jururunding Sdn Bhd, 2015 AGS and IAH Symposium – Recent Developments and Experiences with Groundwater and Excavation Friday 13th November 2015, Sydney.
- 3) Keller (M) Sdn Bhd, Deep Soil Mixing (DSM).
- 4) Seafoo Public Co Ltd, Deep Cement-Soil Mixing (DCM) Method



Penilaian Geoteknik & Syor Pembaikan ke Atas Masalah Kenaikan Paras Air Bumi yang Berlaku di SMK Air Merah, Kulim, Kedah

Penulis: Ir. Khadijah Binti Osman

1.0 Pengenalan

SMK Air Merah terletak di daerah Kulim, Kedah dan berada pada koordinat $5^{\circ}21'58.3''\text{N}$; $100^{\circ}31'55.7''\text{E}$. Kawasan sekolah tersebut adalah berbukit dan telah dibina pada tahun 2003 secara *cut and fill*. Masalah kenaikan paras air bumi di sekolah ini dilaporkan mula berlaku pada tahun 2015 di mana air akan bertakung di sekitar kawasan bilik perpustakaan sekolah setiap kali waktu hujan lebat.

2.0 Topografi

Berdasarkan maklumat penduduk setempat, kawasan padang sekolah pada asalnya merupakan kawasan tanah berpaya. Rajah 1 menunjukkan imej satelit bagi lokasi sekolah ini. Berdasarkan topografi dari Google sepertimana Rajah 2, didapati bentuk muka bumi kawasan sekolah adalah lebih rendah berbanding kawasan sekitar dan berbentuk seperti basin.



Rajah 1: Lokasi SMK Air Merah
(Sumber : Google Earth)



Rajah 2: Bentuk muka bumi di sekitar
kawasan SMK Air Merah
(Sumber: Google Earth)

3.0 Penyiasatan Tanah dan Pemantauan

Kerja-kerja penyiasatan tanah, ujian makmal dan pemantauan telah dilaksanakan pada 3 September 2019 sehingga 29 November 2019 di lokasi sepertimana yang ditandakan pada Rajah 3. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah meliputi skop seperti berikut:

1. Dua (2) bilangan *Deep Borehole* (BH) dan ujian makmal bagi mendapatkan profil dan pengelasan tanah
2. Tiga (3) bilangan Piezometer (PZ) bagi pemantauan paras air bumi dan ujian kebolehtelapan turus menurun (*Falling-Head Permeability Test*) bagi mendapatkan analisa kadar kebolehtelapan tanah

3. Dua (2) garis pengukuran geofizik menggunakan kaedah keberintangan 2-D (*Resistivity Survey* (RS)) bagi mendapatkan profil litologi subpermukaan tanah



Rajah 3: Lokasi BH, PZ dan garis RS

3.1 Sub Profil Am

Berdasarkan laporan penyiasatan tapak yang telah dijalankan, sub-profil tanah yang diperolehi diringkaskan sepertimana Jadual 1 berikut.


Jadual 1: Sub profil tanah BH1- BH2

Lapisan	Kedalaman (dari aras tanah)	Jenis Tanah
1	1.50m – 4.50m	Sandy CLAY
2	4.50m – 6.00m	Silty SAND
3	6.00m – 30.00m	Sandy CLAY


3.2 Kajian Geofizik Kaedah Keberintangan (*Resistivity Survey*)

Kajian geofizik menggunakan kaedah keberintangan 2-D telah dijalankan untuk mendapatkan profil litologi sub-permukaan bagi menganalisa kewujudan zon lemah dan zon tepu air yang disyaki mengakibatkan peningkatan paras air bawah tanah sewaktu hujan lebat. Dua (2) garis yang bersilang telah dibentangkan bagi mendapatkan profil litologi di kawasan tersebut. Merujuk kepada profil keberintangan pada garis 2, didapati terdapat lapisan yang berkeberintangan

tinggi yang dipercayai lapisan tanah keras ditemui pada kedalaman 6 meter dari aras tanah. Pada bahagian atas lapisan ini pula terdapat zon keberintangan sangat rendah yang dipercayai merupakan tanah lempung (clay). Profil keberintangan yang diperolehi daripada kajian ini adalah sepertimana Rajah 4 dan Rajah 5.




Rajah 4: Profil Keberintangan 2D - Garis 1



Rajah 5: Profil Keberintangan 2D - Garis 2

3.3 Paras Air Bawah Tanah

Berdasarkan laporan pemantauan selama 12 minggu di tapak, didapati paras air bawah tanah adalah tinggi pada ketiga-tiga lokasi piezometer iaitu sekitar 0.3m hingga 1.3m daripada aras tanah. Paras air selepas hujan pada PZ2 dan PZ3 adalah menyamai aras tanah sepertimana yang direkodkan dari minggu keenam hingga ke-12 bacaan diambil. Rajah 6 menunjukkan lakaran profil aras air bawah tanah yang diperolehi dalam keadaan normal dan keadaan selepas hujan.



Rajah 6: Profil aras air bawah tanah

3.4 Ujian Kebolehtelapan Turus Menurun (Falling – Head Permeability Test)

Ujian kebolehtelapan turus menurun dijalankan di ketiga-tiga lokasi piezometer bagi mendapatkan nilai kadar kebolehtelapan tanah (permeability of soil, k). Nilai k yang diperolehi adalah seperti Jadual 2 berikut.

Jadual 2:

Kadar kebolehtelapan tanah, k

Lokasi	Kadar Kebolehtelapan Tanah, k (m/s)
PZ1	2.5×10^{-5}
PZ2	3.6×10^{-5}
PZ3	8.1×10^{-5}

4.0 Ulasan

1. Berdasarkan keputusan yang diperolehi melalui ujian kebolehtelapan turus menurun pada ketiga-tiga lokasi piezometer, kadar kebolehtelapan tanah di kawasan SMK Air Merah ini boleh dikelaskan sebagai berketelapan sederhana ke rendah (moderate to slow permeability).
2. Berdasarkan laporan penyiasatan geofizik, lapisan berkeberintangan tinggi yang dipercayai lapisan tanah/batuan keras dijumpai pada kedalaman 6 meter dari aras tanah. Di atas lapisan ini pula terdapat satu

lapisan tanah lempung (*clay*) yang sifat kebolehtelapannya adalah sederhana ke rendah. Keadaan ini menyebabkan terbentuknya *unconfined aquifer* di atas lapisan tanah lempung dan seterusnya mengakibatkan air pada kawasan ini memenuhi permukaan tanah apabila aras air meningkat secara mendadak.

3. Paras air bawah tanah pada PZ1 didapati lebih rendah berbanding pada PZ3 kerana terdapatnya *horizontal drain* (HD) yang dibina pada cerun berdekatan lokasi PZ1. Walau bagaimanapun, ianya dipercayai tidak dapat menampung kuantiti air keseluruhan di kawasan sekolah ini memandangkan kadar aliran air yang tinggi disebabkan oleh bentuk muka bumi sekolah yang seperti basin.

5.0 Syor Pembaikan

Kenaikan paras air bawah tanah sehingga mengakibatkan banjir pada bangunan sekolah dapat diatasi dengan mengalirkan air bawah tanah keluar secara konsisten. Berikut merupakan beberapa pilihan syor pembaikan yang dicadangkan.

- Pembinaan *sub-soil drain* di bahagian bawah bangunan

Disyorkan agar *sub-soil drain* di bina di bahagian bawah lantai bilik sumber dan dataran di luar bilik sumber. Air daripada *sub-soil drain* tersebut dicadangkan untuk dialirkan ke longkang perimeter bangunan sediaada yang perlu dinaiktaraf bagi menampung pertambahan kuantiti air.

atau



- Menambahkan kepanjangan *Horizontal Drain* sediaada

Bilangan dan lokasi *horizontal drain* sediaada di bahagian bawah blok bilik sumber dikekalkan tetapi kepanjangan paip *horizontal drain* tersebut ditambah sehingga ke kawasan padang (lokasi PZ2).

atau

- Pemasangan sistem pam air

Bagi mengalirkan air bawah tanah secara terus dan konsisten, ianya juga boleh dilaksanakan dengan pemasangan sistem pam berserta dengan kelengkapan berkaitan. Pemasangan sistem pam air ini perlu mengambil kira keperluan penyelenggaraan secara berkala iaitu sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Di samping itu, dicadangkan agar *horizontal drain* dan longkang kaki (*toe drain*) dibina di sepanjang cerun di kawasan padang utama sekolah beserta dengan salah satu kaedah yang dicadangkan di atas.



6.0 Kesimpulan

Secara amnya, masalah kenaikan air bawah tanah yang berlaku di bangunan SMK Air Merah adalah berpunca daripada keadaan lapisan tanah yang berkeboletelapan rendah dan seterusnya membentuk *unconfined aquifer* pada jarak sekitar 5 meter dari aras tanah. Kaedah bagi mengatasi masalah ini adalah dengan pembinaan sistem perparitan yang optimum bagi mengalirkan air keluar dengan konsisten untuk memastikan paras air bawah tanah tidak meningkat sehingga ke aras tanah apabila berlakunya hujan lebat. Kapasiti longkang sediada juga perlu dinaiktaraf bagi menampung pertambahan kuantiti air kelak dan penyelenggaraan berkala perlu dilaksanakan untuk memastikan sistem perparitan yang dibina dapat berfungsi sebaiknya.



GROUND IMPROVEMENT ON ROAD WORKS: WHY IT IS NECESSARY?

Penulis: **Ameera Diana Binti Juril**

WHAT IS GROUND IMPROVEMENT TECHNIQUE

Ground Improvement technique is the process of improving the geotechnical characteristics of soil used in construction. The soil at a construction site is not always totally suitable for supporting structures such as buildings, bridges, highways and dams.

Ground Improvement refers to any technique or process that improves the engineering properties of the treated soil mass.

Usually, the properties modified are shear strength, stiffness and permeability. Ground improvement is usually done based on the following principles:

- Consolidation (e.g. prefabricated vertical drains & surcharge, vacuum consolidation, stone columns)
- Chemical Modification (e.g. deep soil mixing, jet grouting, injection grouting)
- Densification (e.g. vibro compaction, dynamic compaction, compaction grouting)
- Reinforcement (e.g. stone columns, geosynthetic reinforcement)

OBJECTIVES OF GROUND IMPROVEMENT

- Reduce settlement of structures
- Improve shear strength and bearing capacity of shallow foundations
- Increase factor of safety against possible slope failure of embankments and dams
- Reduce shrinkage and swelling of soils
- Improve soil permeability in order to increase drainage capacity
- Increase the density of the fill mass and/or subsoil to prevent liquefaction

FACTORS AFFECTING GROUND IMPROVEMENT

1. Soil type
2. Area
3. Desired required soil properties
4. Availability of material
5. Availability of skills
6. Environmental concerns
7. Economics

TYPES OF GROUND IMPROVEMENT TECHNIQUES

1. Densification of the ground e.g.: Vibro compaction, dynamic compaction, compaction grouting
2. Reinforcement e.g.: stone columns, geosynthetic reinforcement)
3. Accelerate consolidation e.g.: Vertical drains
4. Usage of geo synthetics e.g.: Geotextiles
5. Usage of admixtures e.g.: Cement Stabilization
6. Preloading
7. Mechanical Stabilization

Ground Reinforcement	Ground Improvement	Ground Treatment
☐	☐	☐
☐ Stone Columns	☐ Drainage/Surcharge	☐ Soil Cement
☐ Soil Nails	☐ Electro-osmosis	☐ Lime Admixtures
☐ Deep Soil Nailing	☐ Compaction grouting	☐ Flyash
☐ Micropiles	☐ Blasting	☐ Dewatering
☐ Jet Grouting	☐ Surface Compaction	☐ Heating/Freezing
☐ Ground Anchors	☐ Deep Dynamic Compaction	
☐ Geosynthetics		
☐ Fiber Reinforcement		
☐ Lime Columns		
☐ Vibro-Concrete Column		

Figure 1

There are various kind of soft ground treatment method as shown in Figure 1. The purposes of treatment works are;

1. control of settlement,
2. retention of stability,
3. control of deformation of the surrounding ground,
4. Persistency of trafficability

Since each treatment work method is based on its own fundamental principles, it is important to select an appropriate treatment work method and the purpose of the treatment.

1) Settlement Control

During construction of new or widening roads, the main issue is the total settlement the embankment. Maximum progress of consolidation during construction is important to reduce total settlement. Treatment methods designed to secure maximum progress of consolidation during construction include the vertical drain method, in which drain materials are installed in the vertical direction in the soft soil layer at appropriate spacing to accelerate consolidation. In addition, surcharge methods are paired with this method to accelerate consolidation.

- **Reduce total settlement**

Methods to reduce total settlement include those designed to reduce the embankment load on the soft layer in order to reduce the total settlement of the ground. For example, common methods include supporting the embankment load piles, which can be divided into pile to depth or pile to length. Apart from that lightweight materials are used for embankment materials in order to reduce the load and the consolidation stress. The remove and replace method is the most common method adopted when a soft soil layer is thin.

2) Stabilization

Embankments will collapse because of a lack of strength in the foundation ground or lack of strength in the embankment material. Measures to secure ground stability are: to increase the strength of the soft ground using Ground Improvement and to increase the resistance of the ground.

- **Increasing the strength of the soft ground**

The objective of this process is to secure the stability of a soft layer against slips by increasing the strength of the ground with efficient consolidation and drainage of the soft layer. Specific measures used in this process are mostly the same as those for the methods to accelerate consolidation settlement. Another typical method is the staged construction of the embankment in which the embankment is slowly built up.

- **Increase in the resistance**

The purpose of this process is to increase the resistance of the foundation ground with soft soil improvement. Resistance is increased by replacing a soft soil layer with suitable fill material, constructing

piles in a soft soil layer, and installing geotextiles in the soft ground or embankment. As a measure against slip failure, counterweight berm can be introduced.

3) Control of Deformation of the Surrounding Ground

When an embankment is constructed on soft ground, lateral deformation due to shear deformation can occur in the ground in addition to consolidation settlement. Measures to resist deformation of the surrounding ground are meant to control shear deformation or consolidation deformation. The measures are necessary when harmful deformation occurs to buildings, water channels, underground facilities, or other structures located close to the embankment.

- **Reduction of stress**

This is a method to reduce stress occurring due to the application of the embankment load, in order to reduce settlement of the embankment and reduce the amount of deformation in the surrounding ground. Specific actions taken under this method include the use of a lightweight material for embankment to reduce the embankment load, and distributing support of the embankment load with improvement piles formed in the ground with the compaction method, deep mixed method, etc., in order to reduce stress occurring in the soft layer.

4) Persistency of Trafficability

When construction machines are run on soft ground, the work efficiency can vary significantly depending on the type of soil or water content. For cohesive soil ground with high water content, it can become impossible to run equipment on the ground. For this machine to work on soft ground like this, it is compulsory to secure the necessary trafficability according to the construction machines to be used. Specific methods that are often used include subsurface water drainage, geogrids, shallow soil stabilization, laying of materials, and other methods designed to increase the shear strength of layers relatively closer to the surface.

In conclusion, ground treatment is necessary on soft ground for short term and long terms construction phase. It may look unnecessary and expensive but once ground treatment is not done right on the subsurface, anything on the surface will be affected. It plays a crucial role in ensuring that the soil and subsoil of a project are safe and secure for the ultimate construction purposes i.e. highway project or a building project.





**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2019
CAWANGAN KEJURUTERAAN GEOTEKNIK**



**Ir. Nor Fardzilah
Binti Abd Rahman
J52 BRG1**



**Ir. Eka Kusmawati
Binti Suparmanto
J48 BPP**



**Nor Hidayah
Binti Ismail
J48 BRG1**



**Ir. Nazurah
Binti Sulaiman
J41 BRG2**



**Dayang Azwa
Binti Abang Adenan
J41 BST**



**Syed Baharin
Bin Syed Shamir
N36 BPKS**



**Mohd Faizal
Bin Wahab
JA29 BST**



**Muhamad Taufiq
Bin Wahid
JA29 BRG1**



**Masli Bin Mohd Amin
H14 BPKS**



**ANUGERAH TOKOH CAWANGAN KEJURUTERAAN GEOTEKNIK
SESI JULAI-DISEMBER 2019**



**Mohamad Yustafari
bin Mohamad Yunus**
Kategori :
**Pegawai Pengurusan
Dan Profesional**
Gred 41 hingga Gred 44



Fathin Najihah binti Ramli
Kategori :
Kakitangan Sokongan I
Gred 17 hingga Gred 40



Muhammad Azri bin Mohd Rosli
Kategori :
Kakitangan Sokongan II
Gred 16 ke bawah



**ANUGERAH TOKOH CAWANGAN KEJURUTERAAN GEOTEKNIK JABATAN KERJA RAYA
SESI JANUARI - JUN 2020**



Ahmad Shairazi bin Mohd Daud
Kategori :
**Pegawai Pengurusan Dan
Profesional**
Gred 41 hingga 44



Mu'azzah binti Abd Hamid
Kategori :
**Pegawai Pengurusan Dan
Profesional**
Gred 41 hingga 44



Mohd Suruzee bin Yaakub
Kategori :
Kakitangan Sokongan I
Gred 17 hingga 40

Senarai Pegawai CKG Yang Mendapat Gelaran Ir. Tahun 2020

Nama Pegawai	Bahagian	Jawatan
Ir. Melati Binti Mudzaffar Ali	BST	JAP, J52
Ir. Mohamad Yustafari Bin Mohamad Yunus	BRG 3	JA, J44
Ir. Khadijah Binti Osman	BRG 3	JA, J44

MAJLIS MENJUNJUNG APRESIASI KASIH ABADI





*Penyerahan cenderahati
daripada CKG*



*Bahagian Penyelarasan
& Khidmat Sokongan*



*Bahagian Pelaksanaan &
Pemantauan Projek*



*Bahagian Rekabentuk Geoteknik 1
(Kejuruteraan Tanah)*



*Bahagian Rekabentuk Geoteknik 2
(Kejuruteraan Struktur Asas)*



*Bahagian Rekabentuk Geoteknik 3
(Khidmat Pakar & Forensik)*



*Bahagian
Siasatan Tapak*



*Bahagian Penyelidikan
& Pembangunan*



Cawangan Kejuruteraan Geoteknik
Tingkat 26, Menara PJD
No.50, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur



Tel : 03-4051 8814



Faks : 03-4051 8781